

Dakwaan perolehan projek RM4 juta

'Ahli lembaga pengarah DBKL belum dipanggil'

Kuala Lumpur: Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Maimunah Mohd Sharif berkata belum ada ahli lembaga pengarah yang dipanggil sehingga ini untuk membantu dalam siasatan dalaman mengenai dakwaan perolehan projek bernilai RM4 juta.

Katanya siasatan yang sedang dijalankan hanya membabitkan pegawai-pegawai daripada jabatan kewangan, perolehan, dan korporat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang bertugas antara tahun 2023 dan 2024.

"Pada peringkat DBKL, kami telah menubuhkan dua jawatankuasa, pertama ialah jawatankuasa siasatan teknikal yang dipengerusikan oleh pengarah eksekutif, manakala satu lagi ialah jawatankuasa pemandu yang saya sendiri pengerusikan.

"Secara dalaman, kami telah melaksanakan siasatan dan mendapatkan maklum balas daripada pegawai-pegawai yang terbabit dalam proses penganugerahan (projek) dan pelaksanaannya dari tahun 2023 hingga awal 2024."

"Siasatan ini masih berjalan," katanya pada sidang media selepas merasmikan program Women Law Enforcement - Beauty, Strength and Excellence MADANI 2025 semalam.

Katanya, beliau berharap sia-



Maimunah memotong riben sebagai gimik merasmikan program Women Law Enforcement - Beauty, Strength and Excellence MADANI 2025 sambil diperhatikan Ahli Parlimen Bandar Tun Razak, Datuk Seri Wan Azizah Wan Ismail di Institut Latihan DBKL, Cheras, semalam.

(Foto Aziah Azmee/BH)

satuan itu dapat diselesaikan pada minggu ini.

Beliau juga berkata, tiada pegawai yang digantung tugas kerana siasatan itu sedang menumpukan kepada aspek tadbir urus DBKL.

Maimunah berkata, siasatan itu juga untuk mengenal pasti sebarang kemungkinan kelemahan dalam proses perolehan DBKL untuk diperketatkan lagi proses selepas ini.

Beliau juga menafikan dakwa-

an Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyerbu pejabat DBKL untuk mendapatkan dokumen berkaitan siasatan berkenaan.

Menurutnya, penyerahan dokumen berkaitan dilakukan dengan teratur.

"Ada yang bertanya sama ada serbuan telah dilakukan, (jawabannya) tiada serbuan yang berlaku. Mereka (SPRM) datang ke DBKL dengan cara yang betul dan mengambil dokumen yang

diperlukan untuk semakan mereka," katanya.

Minggu lalu, beliau mendedahkan DBKL sedang menjalankan siasatan dalaman berhubung dakwaan salah laku dalam perolehan projek bernilai RM4 juta yang dikaitkan dengan seorang ahli lembaga penasihat DBKL.

SPRM kemudian menyatakan ia sedia untuk membantu siasatan itu jika DBKL menemui sebarang salah laku dalam siasatan dalaman berkenaan.